

RUBRIK PEMBANGUNAN PEKAN SEMPADAN MALAYSIA-KALIMANTAN: TAWAU-PULAU NUNUKAN

DEVELOPMENT RUBRICS OF MALAYSIA-KALIMANTAN BORDER TOWNS: TAWAU-NUNUKAN CASE STUDY

Abdul Rahim Anuar

School of International Studies (SOIS)
College of Law, Government and International Studies (COLGIS)
Universiti Utara Malaysia
abd182@uum.edu.my

ABSTRACT

Between rural-urban or periphery-core areas, there normally exists a development gap between these areas. The rural areas are always associated with underdevelopment and poverty compared to that of urban areas that are synonymous with progress and high-income population. Border towns along the Malaysia-Indonesia border are often located in remote areas and associated with backwardness, with low-income and poor population. The concept of development in these border areas is still characteristically traditional based on defence and security, and not economic development. Thus, development in border areas needs to be developed toward a sustainable high income economic status with the objective of eradicating poverty and moving out of the low-income economic trap, there by supporting a more balanced development between rural-urban or periphery-core areas. Accordingly, the border town of Tawau (Sabah) and Nunukan (East Kalimantan) were used as case studies. Socio-economic background in the two border towns was examined to determine their level of their economic development. The development gap exists between Tawau and Nunukan. Therefore, investment in border areas through government and private initiatives is needed to generate cross-border economic activities, for example through development and employment opportunities. This is mainly due to the role played by Tawau-Nunukan as the main entry point to the Malaysian market for the people in East Kalimantan and Southern Philippines and vice versa for the people of Sabah. The development rubrics of the border town will take into account economic considerations, while maintaining defence and security approaches to enhance economic development in border areas.

Keyword: Border town economy, Case study, Development rubrics, Tawau, Nunukan.

ABSTRAK

Antara kawasan desa-bandar atau pinggiran-pusat, lazimnya terdapat jurang pembangunan yang membezakan kedua-duanya. Kawasan desa selalu dikaitkan dengan kemunduran dan kemiskinan berbanding dengan kawasan bandar yang disinonimkan dengan kemajuan dan penduduknya berpendapatan tinggi. Pekan di sepanjang sempadan Malaysia-Indonesia selalunya berada di kawasan pedalaman dan juga dikaitkan dengan kemunduran, dan penduduknya berpendapatan rendah serta miskin. Konsep pembangunan di kawasan sempadan masih bersifat tradisional berteraskan pertahanan dan keselamatan, dan tidak kepada pembangunan ekonomi. Justeru, pembangunan di kawasan perbatasan perlu dibangunkan kearah status ekonomi lestari berpendapatan tinggi dengan tujuan mengeluarkannya

daripada perangkap ekonomi mundur dan miskin. Sekalig usia juga membantu pembangunan yang lebih berimbang antara kawasan desa-bandar atau pinggir-pusat. Sehubungan itu, pekan sempadan Tawau (Sabah) dan Nunukan (Kalimantan Timur) dijadikan sebagai kajian kes. Latar belakang sosio-ekonomi di kedua-dua pekan itu dikaji untuk menilai tahap pembangunan ekonomi masing-masing. Wujud jurang pembangunan antara Tawau dan Nunukan. Oleh itu, pelaburan di kawasan sempadan menerusi inisiatif kerajaan dan swasta adalah diperlukan untuk menjana aktiviti ekonomi rentas sempadan, misalnya menerusi pembangunan dan peluang pekerjaan. Hal ini disebabkan Tawau-Nunukan adalah pintu masuk utama ke pasaran Malaysia bagi penduduk di Kalimantan Timur dan Filipina Selatan dan sebaliknya bagi penduduk Sabah. Rubrik pembangunan di pekan sempadan akan mengambilkira pertimbangan ekonomi, di samping mengekalkan pendekatan pertahanan dan keselamatan bagi meningkatkan pembangunan ekonomi di kawasan sempadan.

Kata kunci: Ekonomi pekan sempadan, Kajian kes, Rubrik pembangunan, Tawau, Nunukan.

PENGENALAN

Perdagangan lintas sempadan antara Sabah dan Kalimantan secara informal telah wujud sebelum termeterainya Perjanjian Lintas Sempadan Malaysia-Indonesia pada tahun 1967. Di bawah perjanjian itu, Jabatan Imigrasi Sabah akan mengeluarkan pas lintas sempadan kepada penduduk yang menetap di sepanjang sempadan bagi membolehkan mereka melawat saudara-mara di Kalimantan dalam lingkungan 5 km daripada sempadan. Begitu juga bagi pihak Indonesia yang akan mengeluarkan Pas Lintas Batas (PLB) kepada penduduk tempatannya yang ingin berkunjung ke kawasan di Sarawak yang berada dalam lingkungan 5 km. Pintu keluar masuk utama di sempadan Sabah-Kalimantan Barat ialah Tawau-Pulau Nunukan dan Tawau-Pulau Sebatik. Kertas kerja ini memfokuskan pekan sempadan Tawau-Pulau Nunukan.

METODE KAJIAN

Metode kajian adalah berdasarkan data primer dengan menjalankan kerja lapangan di kawasan kajian. Data sekunder daripada agensi yang berkaitan dengan pembangunan di Tawau dan Pulau Nunukan diperoleh untuk menganalisis trend sosioekonomi semasa di Tawau dan Nunukan. Rubrik pembangunan untuk Tawau dan Pulau Nunukan adalah berdasarkan maklumat daripada data primer dan sekunder.

Asian Development (1998, 2002, 2007, 2009) telah mendahului kajian ekonomi rentas sempadan dengan mengkaji *Greater Mekong Subregion* yang melibatkan rentas sempadan enam negara – Kampuchea, China (daerah Yunan dan Guangxi Zhuang)), Laos, Myanmar, Thailand, dan Vietnam. Terdapat juga pengkaji yang meneliti pekan sempadan sebuah negara seperti Maneepong (2003), Maneepong dan Wu (2004), Choen (2008), dan Tsuneishi (2008). Kesemua mereka mengkaji potensi pekan sempadan di negara Thailand sebagai penjana pertumbuhan di daerah pinggir dan mundur.

Abdul Rahim dan Muszafarshah (2010) juga mengkaji pekan rentas sempadan Thailand dan Malaysia dengan tumpuan ke atas Pekan Sadao-Bukit Kayu Hitam. Selain pengkaji pekan sempadan Thailand-Malaysia, aktiviti ekonomi pekan sempadan di Indonesia dan Malaysia dikaji oleh Husnaidi (2006) Dendy (2009), Nurul, Lau dan Shazali (2004), Robert (2004), Kasim dan Mori (2008), Ramli dan Ahmad (2007), Yekti (t.t). Thirunaukarasu, Evelyn dan Sivachandralingam (2013), Abd Hair Awang *et al.* (2013), Noor Rahmah (2012), Endi dan Ratnawati (2012), Saru (2012), Ramli Dollah dan Ahmad (2007), CB Herman (2007) dan Abdul Rahim *et al.* (2013).

Semua pengkaji terpilih berkenaan membincangkan potensi pembangunan pekan sempadan berkembar atau bersebelahan untuk menjana pertumbuhan ekonomi wilayah masing-masing yang mundur, terutamanya di kawasan sempadan yang mana objektif keselamatan dan pertahanan di kawasan sempadan lebih diutamakan berbanding pembangunan. Strategi dan dasar pembangunan yang diaplikasikan oleh penggubal dasar adalah berlandaskan teori pembangunan yang meliputi antaranya Teori Lokasi, Model Gravitasi, Ekonomi Moden, Teori Konflik, Perubahan Sosial, Kearifan Lokal dan Keamanan Manusia.

PROFIL SABAH DAN TAWAU

Penduduk

Sabah mempunyai lima daerah pentadbiran iaitu Tawau, Sandakan, Kudat, pantai barat dan pedalaman, manakala Tawau, ia mempunyai empat daerah meliputi Tawau, Semporna, Lahad Datu dan Kunak. Tawau berkeluasan 6,125 km² dan terletak di bahagian pantai timur Sabah. Daerah ini berkongsi sempadan dengan Kalimantan Timur (Indonesia) dan berada di bawah kawal selia Majlis Perbandaran Tawau (MPT).

Jumlah penduduk Tawau di bawah pentadbiran MPT ialah hampir 398,000 orang (2010) dengan komposisi 51 peratus adalah warga negara Malaysia dan 41 peratus adalah bukan warga Malaysia. Sebahagian besar daripada bukan warga Negara Malaysia di Tawau adalah berasal dari Filipina dan Indonesia. Dalam kalangan 233,000 warga Malaysia, 17 peratus daripadanya adalah etnik Cina, diikuti dengan Bajau (13 peratus) dan Melayu (5 peratus). Dari aspek origin penduduk di daerah Tawau, 80 peratus adalah bumiputera (etnik Melayu, Kadazan, Bajau, Murut dan bumiputera lain) dan 20 peratus lagi adalah bukan bumiputera (etnik Cina, India dan lain-lain).

Penghijrahan penduduk dari Filipina merupakan penyumbang utama kepada peningkatan pertumbuhan penduduk di daerah Tawau, terutamanya pada tahun 1970-an. Perkara ini berlaku disebabkan konflik yang terjadi antara pemisah Islam dan Kerajaan Filipina di Mindanao yang mana penduduknya melarikan diri ke Tawau dan Sabah secara beramai-ramai.

Aktiviti Ekonomi

Bersesuaian dengan gelaran 'Bumi Peladang', aktiviti ekonomi daerah Tawau adalah berasaskan sektor pertanian dengan jenis tanaman yang utama ialah kelapa sawit, koko, getah dan kelapa. Komoditi koko adalah punca pendapatan utama untuk daerah Tawau. Selain sektor pertanian, daerah Tawau juga kaya dengan hasil sumber laut seperti ikan dan udang. Lebihan pengeluaran ikan dan udang dieksport ke negara Jepun, Hong Kong, Amerika Syarikat, Singapura dan Semenanjung Malaysia. Pada tahun 2009, 50 peratus (atau 2,797 tan metrik) daripada jumlah pendaratan udang oleh kapal tunda di Sabah adalah daripada bahagian Tawau.

Jadual 1 Keluasan mengikut jenis tanaman utama di Tawau, 2010

	Padi Sawah	Padi Huma	Getah	Koko	Kelapa	Kelapa Sawit
Tawau (ha.)	61	0	314	3,112	1,105	159,515
Sabah (ha.)	35,573	7,990	80,139	7,212	17,555	1,383,604
Tawau/Sabah, %	0%	0%	0%	43%	6%	12%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2010

Sektor akuakultur juga penting di daerah Tawau. Pada tahun 2009, terdapat 550 kolam ikan air tawar dengan jumlah keluasan 148 hektar. Sumbangan Tawau dalam industri kolam ikan air tawar di Sabah dari segi bilangan dan keluasan masing-masing ialah pada purata 3 peratus dan 9 peratus bagi tempoh 2005 – 2009.

Jadual 2 Industri kolam ikan air tawar: Bilangan dan keluasan, 2005 – 2009

Tahun	Tawau		Sabah		Tawau/Sabah (%)	
	Bil.	luas (ha.)	Bil.	luas (ha.)	Bil.	Luas
2005	511	146	18,015	1,563	3%	9%
2006	518	146	18,320	1,577	3%	9%
2007	518	146	18,443	1,586	3%	9%
2008	523	143	18,576	1,593	3%	9%
2009	550	148	20,064	1,690	3%	9%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2010

Daerah Tawau juga kaya dengan sumber kayu balak yang bermutu, sekali gus menyokong perkembangan industri pemprosesan kayu-kayan. Sehingga tahun 2010, terdapat 38 buah kilang papan yang beroperasi di daerah Tawau.

Kewujudan pelbagai aktiviti ekonomi telah menjadikan Tawau sebagai sebuah daerah yang cepat membangun. Situasi ini telah mendorong pertumbuhan industri perkhidmatan seperti industri kewangan, insurans dan perbankan. Kepelbagaian aktiviti ekonomi itu juga mencerminkan corak pekerjaan di daerah Tawau. Kepesatan pembangunan daerah Tawau turut menjadi daya tarikan kepada penduduk Kalimantan Timur, terutamanya dari Nunukan dan Tarakan untuk bekerja di Tawau dalam sektor pertanian dan perikanan.

Tawau menyumbang 13 peratus (atau 100,746 pekerja) daripada jumlah pekerjaan di Sabah pada tahun 2010. Tumpuan jenis pekerjaan adalah dalam sektor pertanian dan perikanan (23 peratus), diikuti dengan operator loji dan mesin serta pemasangan (17 peratus) dan perkhidmatan, pekerja kedai dan jurujual (14 peratus) dan pekerjaan asas. Peratusan pekerja yang boleh dikategorikan sebagai buruh berpendidikan (k-buruh) adalah kecil, iaitu 16 peratus daripada semua kategori pekerjaan, sekali gus menggambarkan pekerja yang dikategorikan sebagai buruh pengeluaran (p-buruh) adalah besar iaitu 84 peratus.

Jadual 3 Tawau: Kategori pekerjaan, 2010

	Tawau	Sabah	Tawau %	Sabah %	Tawau / Sabah, %
Penggubal undang-undang, pegawai kanan & pengurus	4,568	32,590	5%	4%	14%
Profesional	2,653	27,869	3%	3%	10%
Juruteknik & profesional bersekutu	8,101	73,284	8%	9%	11%
Pekerja perkeranian	7,615	63,647	8%	8%	12%
Pekerja perkhidmatan, pekerja kedai & jurujual	13,994	100,618	14%	13%	14%
Pekerja mahir pertanian & perikanan	23,469	241,352	23%	30%	10%
Pekerja pertukangan & yang berkaitan	9,018	59,219	9%	7%	15%
Operator loji & mesin serta pemasangan	16,851	93,612	17%	12%	18%
Pekerjaan asas	13,592	95,981	13%	12%	14%
Tidak diketahui	885	14,017	1%	2%	6%
Jumlah pekerja	100,746	802,189	100%	100%	13%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2010

Pelabuhan Tawau

Sesuai dengan kedudukannya yang dikelilingi oleh Laut Sulu di timur dan Laut Sulawesi di bahagian selatan, pelabuhan Tawau telah dibina pada tahun 1982 dan merupakan pelabuhan ketiga terpenting di Sabah. Bilangan ketibaan dan pelayaran kapal di pelabuhan ini pada puratanya adalah 1,035 ketibaan dan berlepas atau menyumbang kira-kira 23 peratus daripada jumlah ketibaan dan pelayaran kapal di Sabah bagi tempoh 2006 – 2010. Pelabuhan Tawau adalah pintu keluar-masuk antarabangsa bagi penduduk di pantai timur Sabah ke Kalimantan Timur dan Filipina Selatan, begitu juga bagi penduduk Kalimantan Timur dan selatan Filipina. Pelabuhan Tawau berpotensi untuk menjadi hab perkapalan untuk kapal tempatan dan asing.

Jadual 4 Bilangan ketibaan dan pelayaran kapal-kapal yang terlibat dalam perdagangan luar di Pelabuhan Tawau

Tahun	Tawau		Sabah		Tawau/Sabah, %	
	Ketibaan	Belayar	Ketibaan	Belayar	Ketibaan	Belayar
2006	1215	1215	4967	4957	24%	25%
2007	900	900	4439	4426	20%	20%
2008	972	972	4332	4350	22%	22%
2009	1009	1009	4346	4346	23%	23%
2010	1079	1079	4862	4862	22%	22%
Purata (2006-10)	1035	1035	4589	4588	23%	23%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2010

Pengangkutan Feri

Feri merupakan pengangkutan utama yang menghubungkan Pekan Tawau dengan Pulau Nunukan dan Sabah dengan Kalimantan Timur berikutan ketiadaan hubungan pengangkutan udara antarabangsa antara kedua-dua pekan sempadan itu. Lapangan terbang yang terdapat di Pulau Nunukan hanya menyediakan penerbangan domestik kerana jarak antara Tawau dan Nunukan adalah dekat. Bagaimanapun, wujud hubungan pengangkutan udara antara antarabangsa antara Tawau dan Tarakan. Tawau dan Pulau Nunukan boleh disifatkan sebagai pekan sempadan rentas lautan berbanding dengan pekan sempadan daratan Tebedu (Sarawak)-Entikong (Kalimantan Barat).

Perkhidmatan feri bagi destinasi Tawau-Pulau Nunukan dan Tawau-Sebatik bukan sahaja membantu menjana ekonomi penduduk di kedua-dua pekan sempadan tetapi juga berupaya mengeratkan hubungan sosial dan kebudayaan antara rakyat Malaysia dan Kalimantan Timur (Indonesia). Secara purata, seramai 1,500 orang menggunakan perkhidmatan feri untuk laluan Tawau-Pulau Nunukan. Sebahagian besar daripada penumpang feri ialah warga dari Indonesia, khususnya dari Nunukan dan Tarakan yang bekerja di pelbagai sektor ekonomi di Tawau dan Sabah secara amnya.

Industri feri penumpang Tawau ke Kalimantan Timur berpotensi untuk dikembangkan lagi menerusi industri pelancongan. Maka, pengusaha industri pelancongan perlu meningkatkan lagi jumlah produk pelancongan yang lebih menarik di Tawau kepada warga tempatan sendiri (penduduk di Sarawak dan Semenanjung), Indonesia dan Filipina serta pelancong asing lain. Daya tarikan utama Tawau kepada rakyat negara jiran pada masa ini ialah sebagai pusat membeli-belah bagi penduduk sempadan Pulau Sebatik dan Nunukan. Sebagai contoh, penduduk Sungai Nyamuk di Pulau Sebatik berkunjung ke Pekan Tawau setiap hari untuk membeli-belah kerana harga barangan keperluan seperti gula dan minyak masak adalah lebih murah dan pada sama yang masa perjalanan feri ke Tawau ialah 30 minit.

CIQ Tawau

CIQ Tawau adalah pintu masuk utama bagi penumpang feri daripada Kalimantan Timur dan selatan Filipina. Bilangan ketibaan dan pemergian menerusi CIQ Tawau pada puratanya ialah 0.4 juta orang (untuk ketibaan) dan 0.3 juta orang (untuk berlepas) Tawau adalah pintu masuk/berlepas yang kedua terpenting selepas Kota Kinabalu dengan sumbangan 17 peratus (ketibaan) dan 15 peratus (berlepas) daripada jumlah ketibaan/berlepas di Sabah. Kota Kinabalu menyumbang sebanyak 72 peratus (ketibaan) dan 73 peratus (berlepas) daripada jumlah ketibaan/berlepas di Sabah.

Jadual 5 Tawau: Bilangan ketibaan/Pemergian mengikut tempat masuk/berlepas

	Tawau		Sabah		Tawau/Sabah, %	
	Tiba	Berlepas	Tiba	Berlepas	Tiba	Berlepas
2006	408,150	264,335	2,107,288	1,879,407	9%	14%
2007	614,653	427,788	2,592,007	2,320,164	4%	18%
2008	252,028	213,195	2,451,061	2,327,258	0%	9%
2009	245,713	198,731	2,503,460	2,229,181	0%	9%
2010	494,705	438,392	2,202,044	1,839,568	2%	24%
purata	403,050	308,488	2,371,172	2,119,116	7%	15%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2010

Pada masa ini, aliran trafik di CIQ adalah tinggi sehingga menimbulkan ketidakselesaan dalam kalangan penumpang feri ketika menunggu pemeriksaan kastam, imigresen dan kuarantin sebelum

memasuki Tawau dan Sabah. Oleh itu, terdapat desakan daripada penumpang feri dari Malaysia dan Indonesia supaya terminal feri dan CIQ yang sedia ada dinaik taraf atau dibina yang baru bagi menampung kesesakan aliran trafik penumpang yang tinggi (ferry links Tawau, 2009). Kerajaan Indonesia yang telah menyiapkan terminal feri baharu di Nunukan juga mendesak Kerajaan Malaysia agar mengambil langkah yang sama.

Kini, Sabah Port Authority dan Harbor Department sedang merancang untuk membina CIQ dan terminal feri berdekatan dengan Pelabuhan Tawau dengan keluasan empat ekar. Projek RM25 juta ini meliputi dua fasa. Fasa pertama membabitkan pembinaan terminal feri dan kompleks CIQ dan fasa kedua, pemasangan alat keselamatan seperti CCTV (*closed circuit televisyen*). Bagaimanapun, pelaksanaan projek ini mengalami kelewatan dan penumpang feri masih tidak berpuas hati kerana situasi semasa adalah sangat sesak dan kotor. Selain daripada itu, persekitaran yang berbau disebabkan kedudukannya yang bersebelahan dengan pasar tidak menyenangkan penumpang feri dan juga pelancong.

PROFIL KABUPATEN NUNUKAN DAN PULAU NUNUKAN

Kabupaten Nunukan adalah salah satu kabupaten di Provinsi Kalimantan Utara, Indonesia dengan keluasan 14,247.5 km² dan penduduk seramai 154,269 orang (2011). Ibu kota kabupaten Nunukan adalah kota Nunukan di Pulau Nunukan. Motto Kabupaten Nunukan adalah *Penekindidebaya* yang bermaksud 'Membangun Daerah'. Kabupaten Nunukan meliputi tujuh kecamatan pentadbiran – (1) Lumbis (2) Krayan (3) Krayan Selatan, (4) Sebuku, (5) Sembakung, (6) Nunukan dan (7) Sebatik ("Kabupaten Nunukan," t.t).

Pulau Nunukan dan Pelabuhan Tunon Taka

Pulau Nunukan terletak di sebelah timur laut Kalimantan dan bahagian utaranya berdekatan dengan Tawau dengan keluasan kira-kira 235 km². Pulau Nunukan meliputi kelurahan dan desa berikut: Kelurahan Nunukan Utara (0.384 km²), Kelurahan Nunukan Timur (10.7km²), Kelurahan Nunukan Barat (9.9km²), Kelurahan Nunukan Selatan (118.5km²) dan Desa Binusan (95.5km²). Jumlah penduduk di Pulau Nunukan adalah kira-kira 22,000 orang (pada tahun 2002) (Fitri, 2002).

Ibu Kota Kecamatan Nunukan iaitu Nunukan adalah di Pulau Nunukan. Kota Nunukan juga dikenali sebagai Bandar Kayu Balak atau *Timber Town*. Kebanyakan penduduk di Pulau Nunukan berasal dari Sulawesi. Pelabuhan utama bagi Pulau Nunukan ialah Tunon Taka dan merupakan pelabuhan lintas dengan Kota Tawau (Sabah). Penduduk Kota Nunukan tidak perlu menggunakan pasport antarabangsa, sebaliknya dokumen PLB untuk ke Tawau bagi tujuan keluar masuk Malaysia-Indonesia. Pelabuhan ini juga adalah tempat yang sering digunakan oleh para Tenaga Kerja Indonesia (TKI) untuk ke Tawau dan Sabah.

Tawau juga berdekatan dengan Pulau Sebatik (Indonesia). Keluasan Pulau Sebatik ialah 238 km². Garis sempadan Malaysia-Indonesia melalui Pulau Sebatik dan membahagikan pulau itu kepada dua wilayah, iaitu sebahagiannya adalah milik Kerajaan Malaysia dan sebahagian lagi milik Indonesia.

Pelabuhan Tunon Taka adalah pelabuhan antarabangsa dan terbesar di Kabupaten Nunukan dan Kalimantan Timur. Pelabuhan ini memberi perkhidmatan kepada penumpang yang melakukan perjalanan ke Indonesia Timur seperti ke Tarakan, Balikpapan, Makassar, Pare-Pare, Pantoloan, Toli-Toli, Surabaya dan Nusa Tenggara Timur. Pelabuhan ini juga menyediakan perkhidmatan kepada penumpang tempatan untuk perjalanan dari Nunukan ke Tawau (Sabah, Malaysia). Pulau Nunukan telah dijadikan pangkalan

oleh TKI untuk bekerja di estet pertanian di Sabah dan Sarawak. Bagaimanapun, TKI ini adalah punca perolehan pertukaran asing atau pendapatan kepada Kalimantan Timur.

Kini, pelabuhan Tunon Taka mempunyai terminal feri baharu yang telah siap dibina pada tahun 2010. Namun, daripada pihak Malaysia, feri terminal baharu di Pelabuhan Tawau masih di peringkat perancangan. Terminal baharu Tunon Taka dikhususkan untuk penumpang, manakala terminal lama digunakan untuk mengendalikannya kargo.

Aktiviti Ekonomi Pulau Nunukan

Aktiviti ekonomi penduduk Pulau Nunukan meliputi sektor pertanian, perikanan, perkebunan, perlombongan dan industri kecil-kecilan. Dalam sektor perdagangan, banyak barangan buatan Malaysia dijual di Pulau Nunukan, termasuk di Pulau Sebatik. Barang yang diimport menerusi pelabuhan Tawau adalah jenis barangan bersubsidi yang banyak diniagakan di Pulau Nunukan seperti beras, gula, minyak goreng, marjerin, daging ayam dan lembu, telur ayam, susu, jagung, minyak tanah dan garam. Semua jenis barang itu diistilahkan sebagai *sembako* di Indonesia. Barangan lain yang diniagakan termasuklah kasut, pakaian dan tabung gas. Kemasukan barangan buatan Malaysia berlaku kerana jarak antara Tawau-Pulau Nelayan dan Pulau Sebatik adalah dekat.

Dalam pada itu, kemudahan PLB sebagai alternatif kepada penggunaan pasport antarabangsa memudahkan aliran masuk barang buatan Malaysia, terutamanya barang *sembako* ke Pulau Nunukan dan Pulau Sebatik. Bagaimanapun, ia juga menggalakkan aktiviti penyeludupan barang *sembako* ke Pulau Nunukan. Sebagai contoh, pada bulan April 2013, Pasukan Polis Marin (PPM) Tawau telah menangkap penyeludup yang menggunakan feri penumpang untuk menyeludup keluar barangan bersubsidi seperti gula pasir tepung, minyak masak, tong gas Petronas (berisi) dari Tawau ini ke Nunukan, (“PPM gagalkan taktik,” 2013).

PERDAGANGAN SABAH-INDONESIA

Perdagangan negeri Sabah bagi tempoh tahun 2001 – 2010 menunjukkan peningkatan dan mencatat imbalan lebihan dagangan lebihan. Puratanya, Sabah mencatat imbalan dagangan lebihan RM8 bilion setahun dengan eksport RM20 bilion dan import RM20 billion.

Jadual 6 Sabah Eksport, import, imbalan dagangan dan jumlah dagangan, 2001 – 2010 (RM bilion)

	Eksport	Import	Imbalan Dagangan
2001	13	11	1
2002	15	12	4
2003	19	14	5
2004	23	16	6
2005	24	19	5
2006	27	22	5
2007	34	26	8
2008	48	30	18
2009	37	26	11
2010	44	28	16
Purata	28	20	8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2012) Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Sabah 2012

Rakan Dagangan Utama Sabah

Dari segi nilai jumlah dagangan pada tahun 2010, Semenanjung Malaysia ialah rakan dagangan utama negeri Sarawak dengan sumbangan 26 peratus daripada jumlah dagangan Sabah. Hampir separuh daripada import Sabah adalah dari Semenanjung. Negara China adalah rakan dagangan yang kedua terpenting dengan sumbangan 13 peratus, diikuti dengan Australia (7 peratus) dan Singapura (6 peratus). Khusus bagi Indonesia, ia adalah rakan dagangan yang kesembilan terpenting dan menyumbang kira-kira 4 peratus daripada jumlah dagangan Sabah. Pada tahun 2010, imbalan dagangan Sabah dengan Indonesia memihak kepada Sabah dengan lebih yang marginal, iaitu RM0.01 bilion.

Jadual 7 10 rakan dagangan utama negeri Sabah, 2010, RM bilion dan %
 RM b. Syer, %

Destinasi/Origin	Eksport	Import	Imbalan Dagangan	Jumlah Dagangan	Eksport	Import	Jumlah Dagangan
1. Semenanjung	5.0	13.5	-8.6	18.5	11%	49%	26%
2. China	7.8	1.6	6.2	9.5	18%	6%	13%
3. Australia	4.7	0.2	4.5	4.9	11%	1%	7%
4. Singapura	3.3	0.7	2.6	3.9	7%	2%	6%
5. Thailand	2.8	0.9	1.9	3.7	6%	3%	5%
6. India	3.3	0.2	3.1	3.5	8%	1%	5%
7. USA	1.4	1.7	-0.3	3.1	3%	6%	4%
8. Japan	1.9	0.9	1.1	2.8	4%	3%	4%
9. Indonesia	1.3	1.3	0.01	2.6	3%	5%	4%
10. Sarawak	2.2	0.3	1.9	2.5	5%	1%	3%
Semua di atas	33.7	21.3	12.4	55.1	77%	76%	77%
Keseluruhan	43.6	27.9	15.7	71.5	100%	100%	100%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2012) Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Sabah 2012

Perdagangan Sabah-Indonesia

Berdasarkan data perdagangan tahun 2010, imbalan dagangan Sabah-Indonesia memihak kepada Sabah iaitu sebanyak RM7 juta. Komponen eksport Sabah ke Indonesia adalah komoditi bahan api galian, pelincir dan lain, iaitu hampir 70 peratus daripada jumlah eksportnya. Hal ini disebabkan Sabah adalah pengeluar petroleum yang utama di Malaysia. Oleh itu, bagi masyarakat Kalimantan Timur, adalah mudah mengimport daripada Sabah kerana jarak yang dekat di samping dapat menjimatkan kos pengimportan jika mengimport daripada Jakarta..

Jadual 8 Perdagangan Sabah – Indonesia, 2010, RM juta

SIT C	Jenis barangan	RM juta			Peratusan (%)	
		Eksport & Eksport Semula	Import	Imbangan Dagangan	Eksport & Eksport Semula	Import
0	Makanan	49	83	(34)	4%	6%
1	Minuman dan tembakau	18	5	13	1%	0%
2	Bahan mentah tidak boleh dimakan Bahan api galian, pelincir dan lain-	30	20	10	2%	2%
3	lain	900	-	900	68%	0%
4	Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	107	797	(690)	8%	61%
5	Bahan kimia	114	120	(6)	9%	9%
6	Barang keluaran kilang Jentera dan kelengkapan	39	119	(80)	3%	9%
7	pengangkutan	47	151	(104)	4%	12%
8	Pelbagai barang keluaran kilang	8	11	(3)	1%	1%
9	Pelbagai urus niaga dan barangan	4	3	1	0%	0%
	Jumlah dagangan dengan Indonesia	1,316	1,309	7	100%	100%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2012) Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Sabah, 2012

Butiran import Sabah dari Indonesia yang terbesar ialah minyak dan lemak binatang dan sayuran iaitu 61 peratus daripada importnya. Hal ini disebabkan Kabupaten Nunukan mempunyai ladang kelapa sawit yang luas dan pengeluar minyak kelapa sawit yang utama di Kalimantan Timur. Luas tanaman komoditi kelapa sawit ialah 186km² pada tahun 2011. Sebahagian besar daripada keluasan tanaman kelapa sawit terdapat di Kecamatan Nunukan, Sebuku, Sebatik, Sembakung, Sebatik Barat dan Lumbis (Bappeda, 2012). Komoditi tanaman lain yang utama di Kabupaten Nunukan ialah koko (*kakao*) dengan kawasan seluas 65km² terutamanya di Sebatik (64 km²) (Bappeda, 2012). Dari sudutimbangan dagangan, Malaysia mengalami defisit bagi produk makanan, minyak dan lemak binatang dan sayuran, bahan kimia, barang keluaran kilang, tentera dan kelengkapan pengangkutan dan pelbagai barang keluaran kilang. Berdasarkan trend perdagangan Sabah-Indonesia yang lepas dan semasa, Tawau berpotensi menjadi hub perdagangan wilayah perbatasan dengan Indonesia (“Tawau Berpotensi Jadi,” 2012).

Dagangan Rentas Sempadan Antarabangsa

Aktiviti ekonomi penduduk di Pulau Nunukan (termasuk Pulau Sebatik) adalah berorientasikan ekonomi Tawau (Sabah). Imbangan dagangan antara Tawau dan Kalimantan Timur pada tahun 2012 adalah berpihak kepada Tawau. Duti kastam daripada eksport Nunukan ke Tawau bernilai kira-kira Rp 157,26 juta iaitu disumbangkan oleh komoditi kelapa sawit. Import barangan dari Tawau ke Nunukan bernilai kira-kira Rp 3,308 juta. Nunukan lebih banyak mengimport barangan keperluan harian kerana harganya lebih murah berbanding mengimport terus dari Pulau Jawa yang melibatkan kos pengangkutan dan masa.

Berdasarkan trend perdagangan lintas sempadan Nunukan ke/dari Tawau yang lampau iaitu bagi tempoh 2004 – 2011, secara idealnya menunjukkan trend perdagangan yang meningkat seiring dengan perkembangan jumlah penduduk dan tingkat pendapatan per kapita di kawasan lintas batas. Namun, eksport/import Nunukan ke/dari Tawau menunjukkan hasil yang tidak konsisten. Perkara ini mungkin disebabkan oleh dua faktor iaitu pertama, kurang kesahihan sistem rekod di lapangan atau kurang telus

penyampaian laporan pelintas batas. Kedua, kemungkinan terjadinya tindakan penyeludupan (Diddy, 2013).

Jadual 9 Trend perdagangan lintas sempadan Nunukan ke/Dari Tawau, 2004 – 2011, (Rp)

Tahun	Ekspor ¹⁾	Impor ²⁾	Neraca Perdagangan	Keterangan
(1)	(2)	(3)	(4) = (2) – (3)	(5)
2004	2.926.706.000,-	97.074.328,-	2.829.631.672,-	Surplus
2005	21.929.537.140,-	86.363.525,-	21.843.173.615,-	Surplus
2006	1.056.284.769,50,-	581.369.829,39,-	474.914.940,11,-	Surplus
2007	196.179.426,20,-	1.138.589.151,91,-	- 942.409.725,71,-	Defisit
2008	1.358.309.280,-	1.550.075.793,-	- 191.766.513,-	Defisit
2009	360.496.547,26,-	781.129.015,41,-	- 420.632.468,15,-	Defisit
2010	1.196.168.120,-	4.241.813.341,-	- 3.045.645.221,-	Defisit
2011	47.846.708,-	3.205.417.878,-	- 3.157.571.170,-	Defisit

Sumber: Diddy (2013)

Barangan yang dibawa masuk ke Nunukan antaranya meliputi tepung, minyak kelapa sawit, ikan segar, ikan beku, ais batu, bawang merah, dapur gas dan LPG, sayuran seperti kentang dan lobak merah, coklat koko, mi kuning, buah-buahan, peralatan melaut, peralatan bangunan, perkakas dapur dan makanan dan minuman ringan. Barang-barang yang masuk ke Nunukan sebahagiannya dieksport semula ke daerah ketiga seperti Tarakan dan Malinau. (*Jurnalisia*, 14 Jun 2013). Ringkasnya, jenis barangan eksport Nunukan lebih bertumpu pada hasil bumi (ekstraktif) terutama kelapa sawit, manakala import dari Tawau terdiri daripada pelbagai jenis produk perkilangan.

Perdagangan Barter di Sempadan

Di bawah Badan Sosial Ekonomi Malaysia- Indonesia (Sosek Malindo) ke-17 di Langkawi pada bulan September 2012, sistem perdagangan barter antara masyarakat Tawau dengan Nunukan digalakkan oleh Kuala Lumpur dan Jakarta (“Barter Trade Tawau,” 2012). Hal ini disebabkan sudah terjalin hubungan perdagangan barter sejak dulu dan dilakukan sehingga sekarang dengan cara yang lebih formal.

Kajian Ramli dan Ahmad (2007), mendapati barangan barter utama yang diimport oleh Malaysia dari Indonesia menerusi Pelabuhan Tawau ialah kayu gergaji, biji kopi, ikan basah, kayu malam, koko kering, sabun mandi/cuci dan udang basah/kering. Sementara itu, barangan barter utama yang dieksport oleh Malaysia ke Indonesia ialah atap zink, baja sebatian, gula pasir, makanan ayam, makan dan minuman, minyak masak, minyak pelincir, tepung dan telur ayam.

Berdasarkan angka daripada Ramli dan Ahmad (2007), bagi tempoh tahun 2000 – 2005, jumlah eksport Malaysia ke Indonesia menerusi Pelabuhan Tawau di bawah sistem perdagangan barter ialah pada purata RM75 juta setahun berbanding dengan import dari Indonesia kira-kira RM115 juta. Perdagangan barter antara Malaysia dengan Indonesia memihak kepada Indonesia. Melalui aktiviti perdagangan barter yang lebih formal bagi kedua-dua kerajaan turut mendapat hasil melalui beberapa jenis cukai dan duti yang dikenakan ke atas barangan barter. Bagi kes Malaysia, hasil kutipan cukai oleh Kastam Diraja Malaysia (KDRM) ialah pada puratanya hampir RM1 juta setahun bagi tempoh tahun 2000 – 2005.

Jadual 10 Jumlah eksport/Import Malaysia dengan Indonesia,
 Tahun 2000 – 2005 menerusi Tawau

Tahun	Import	Eksport	Jumlah Dagangan	Kutipan Hasil Cukai oleh KDRM
				– Stesen Tawau
2000	86	23	109	1.3
2001	362	33	395	1.2
2002	78	60	137	0.9
2003	52	154	206	1.0
2004	57	90	147	1.0
2005	58	92	151	0.2
Purata 2000-2005	115	75	191	0.9

Sumber: Ramli & Ahmad (2007)

Sistem perdagangan barter telah memberi manfaat pembangunan kepada kawasan yang lebih mundur di daerah Tawau menerusi kegiatan ekonomi yang melibatkan barangan barter yang didagangkan. Cadangan untuk menjadikan Pulau Sebatik sebagai kawasan perdagangan tukar barang yang baharu pasti akan dapat menggerakkan pembangunan ke kawasan ini dan juga Tawau kerana Pulau Sebatik dan kawasan pinggir Tawau sebelum ini dilihat sebagai kawasan yang ketinggalan daripada arus pembangunan nasional (Ramli Ahmad Mosti, 2007).

RUBRIK PEMBANGUNAN

Rubrik pembangunan Tawau dalam konteks pembangunan ekonomi rentas sempadan Tawau-Nunukan perlu mengambil kira pembangunan Koridor Pembangunan Sabah (SCORE), BIMP-EAGA dan Forum Kerjasama Sosial dan Ekonomi di bawah Sosek Malindo.

Zon Perdagangan Bebas

Pada bulan Mac 2007, Kerajaan Pusat telah mencadangkan Tawau dijadikan sebagai zon perdagangan bebas kerana kedudukan strategiknya dalam perdagangan antarabangsa dan berdekatan dengan Kalimantan Timur dan Filipina Selatan (*Tawau To Be Made*, 2007). Sehubungan itu, Tawau berpotensi untuk dibangunkan sebagai hab perdagangan sempadan antarabangsa Malaysia-Indonesia berikutan cadangan penubuhan zon perdagangan bebas (Tawau Berpotensi Jadi, 2012).

Status zon perdagangan bebas itu berupaya menggalakkan lagi aktiviti ekonomi di Tawau dengan aliran masuk pelaburan khususnya dalam industri hospitaliti dan minuman serta makanan. Hal ini disebabkan wujud aktiviti perdagangan rentas sempadan yang aktif dalam produk arang batu, minyak kelapa sawit, kayu-kayan, alat dan perkakas memasak, produk plastik yang dibawa masuk ke Tawau, manakala produk yang dibawa masuk ke Nunukan meliputi barangan makanan, minyak masak, ayam, bahan pembinaan dan produk elektronik.

Dalam industri hospitaliti, selama ini pelancong menggunakan Bandar Tawau sebagai transit dalam perjalanan mereka ke Semporna kerana Bandar Semporna menawarkan lebih banyak produk pelancongan berbanding Tawau. Jarak antara Tawau-Semporna ialah kira-kira 95 km. Oleh itu, Tawau perlu menghasilkan produk pelancongan baharu untuk menarik pelancong ke Bandar Tawau dan menjadikannya sebagai destinasi pilihan utama.

Pusat Perdagangan Sempadan

Pulau Sebatik (Malaysia) yang berdekatan dengan Tawau dicadangkan dijadikan Pusat Perdagangan Sempadan. Ia adalah sebagai salah satu strategi untuk membangunkan ekonomi sempadan Tawau-Nunukan menerusi kesan limpahan dan rangkaian aktiviti ekonomi. Pusat Perdagangan Sempadan termasuk CIQ itu akan dibina di Tanjung Arang, Pulau Sebatik (Malaysia) dengan keluasan 100 hektar. Di Pulau Sebatik (Indonesia), Pusat Perdagangan Sempadan sedang dibina di Lamijung. Tanjung Arang-Lamijung adalah pekan yang aktif dengan perdagangan sempadan kerana Nunukan mempunyai pasaran penduduk seramai 150,000 orang dan merupakan get laluan kepada Tarakan, Celebes dan Java (Muammar, 2006).

Koridor Pembangunan Sabah (SCORE)

Antara projek yang dilaksanakan di bawah SCORE ialah estet perindustrian APAS. Estet perindustrian APAS terletak di Jalan Apas, km 4, Tawau. Projek ini yang bernilai RM300 juta disenaraikan dalam projek pembangunan yang dilaksanakan di bawah Koridor Pembangunan Sabah. Komponen utama projek yang seluas 100 ha. adalah untuk membina pelabuhan dan jeti, terminal feri, pusat komersial untuk perdagangan rentas sempadan dan lot industri dan bangunan. Projek ini akan menggerakkan perdagangan antara wilayah dalam BIMP-EAGA. Pemaju bagi projek ini ialah Sarawak Economic Development Corporation (SEDCO) (“Sabah Development Corridor,” t.t).

Zon Pertumbuhan ASEAN-Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA)

Tawau dan Pulau Nunukan berada dalam Koridor Ekonomi Borneo Timur dan Koridor Raya Sulu Sulawesi BIMP-EAGA. Bagaimanapun, kedua-dua pekan sempadan ini tidak dimasukkan dalam Rangka Pelan Tindakan Pelaksanaan BIMP-EAGA 2012-2016. Sehubungan itu, cadangan Lapangan Terbang Tawau sebagai hab pengangkutan udara di zon BIMP-EAGA oleh Kerajaan Malaysia adalah bertepatan dengan kedudukan strategik Tawau dalam Koridor Ekonomi Borneo Timur dan Koridor Raya Sulu Sulawesi (“Tawau hab penerbangan,” 2009).

Kobolehubungan dan mobiliti yang mudah secara tidak langsung dapat meningkatkan perdagangan dan industri hospitaliti serta aliran masuk pelaburan. Gabungan ketiga-tiga faktor itu berupaya mengurangkan jurang pembangunan sempadan di dalam negara ahli BIMP-EAGA termasuk Tawau, Pulau Nunukan dan Pulau Sebatik. Dalam pada itu, Lapangan Terbang Tawau mempunyai infrastruktur yang tersedia untuk tujuan itu. Walaupun projek itu belum dilaksanakan, ia adalah perlu bagi menjana aktiviti ekonomi daerah Tawau yang mana perniagaan runcit dan perdagangan adalah aktif berikutan aktiviti keluar-masuk penumpang dari Nunukan dan Kalimantan Timur yang tinggi.

Sosek Malindo

Jawatankuasa atau Kelompok Kerja Sosio-Ekonomi Malaysia-Indonesia (ringkasnya Sosek Malindo) ditubuhkan pada tahun 1984. Visi Sosek Malindo bertujuan mencapai keharmonian dan kesinambungan pembangunan sosioekonomi untuk faedah dan manfaat bersama, khususnya di sempadan kedua-dua negara. Misinya pula adalah untuk meningkatkan kerjasama pembangunan sosioekonomi di kawasan perbatasan kedua-dua negara untuk mencapai kesejahteraan dan keharmonian masyarakat di kawasan sempadan. Platform Sosek Malindo merupakan wadah terbaik dan telah terbukti berkesan dalam mengurus wilayah-wilayah bersempadan Malaysia-Indonesia. Ia mengimbangi tuntutan terhadap pengurusan keselamatan, penjanaan aktiviti ekonomi, memenuhi kelangsungan hidup masyarakat dan paling utama memangkinkan kerjasama erat yang mempunyai konteks lebih luas dua kepada dua negara berjiran. Malah, ia juga berpotensi besar untuk terus berkembang, tetapi akan hanya dapat dicapai apabila kedua belah pihak lebih saling memahami, lebih saling mengakomodasikan dan saling berusaha

menerima perbezaan yang wujud di seberang sempadan. Wujud perbezaan nilai yang dipegang oleh pemimpin dan rakyat kedua negara, tetapi di sebalik perbezaan itu juga, terdapat banyak persamaan malahan masih kuat kebergantungan antara satu sama lain (Majlis Keselamatan Negara, 2013).

KESIMPULAN

Cadangan oleh pihak Kerajaan Malaysia dan Sabah untuk memajukan lagi pembangunan Tawau menerusi cadangan zon perdagangan bebas Tawau, pusat perdagangan sempadan Pulau Sebatik, estet perindustrian APAS, terminal feri baharu di Pelabuhan Tawau dan hab penerbangan BIMP-EAGA perlu disegerakan supaya tidak berlaku ketempangan pembangunan antara Tawau dan Pulau Nunukan. Cadangan projek terpilih itu mempunyai kesan limpahan pembangunan ekonomi kepada daerah mundur di Tawau dan Pulau Nunukan dengan menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan. Selain daripada itu, jalinan hubungan perdagangan dan pelaburan antara Kalimantan Timur dan Sabah yang telah terjalin sejak ratusan tahun boleh dikukuhkan lagi menerusi forum kerjasama keselamatan, ekonomi, sosial dan geopolitik di bawah platform Sosek Malindo.

RUJUKAN

- Abd Hair Awang, Junaenah Sulehan, Noor Rahamah Abu Bakar, Mohd Yusof Abdullah & Ong Puay Liu.(2013). Informal cross-border trade Sarawak (Malaysia)-Kalimantan (Indonesia): A catalyst for border community's development. *Asian Social Science*; Vol. 9, No. 4. Pp. 167 – 173.
- Abdul Rahim Anuar & Muszafarshah Mohd Mustafa (2012, Mei). *Border town economy: Twin border towns on the Thailand-Malaysian border: Danok-Bukit Kayu Hitam*. Kertas kerja yang dibentangkan di International Seminar on Malaysia-Thailand Studies. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Rahim Anuar, Abubakar Eby Hara, Azhar Harun & Pazim@Fadzim Othman. (2013, Julai). *Program Transformasi Ekonomi Pekan Sempadan di Persempadanan Malaysia-Indonesia ke arah Pembangunan Ekonomi Lestari dan Berpendapatan Tinggi: Kajian kes pekan sempadan Tebedu-Entikong*. Kertas kerja dibentang di Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan 2013, Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Arnold, D. (2010). *Administration, border zones and spatial practices in the Mekong subregion*. (Unpublished doctoral dissertation). University of North Carolina at Chapel Hill, North Carolina.
- Asian Development Bank. (1998). *Economic cooperation in the greater Mekong subregion: An overview*. Manila: Asian Development Bank.
- Asian Development Bank. (2002). *Building on success: A strategic framework for the next ten years of the greater Mekong subregion economic cooperation program*. Manila: Asian Development Bank.
- Asian Development Bank. (2007). *IMT-GT: Building a dynamic future: A roadmap for development 2007-11*. Manila: Asian Development Bank.
- Asian Development Bank. (2007). *Mid-term review of the greater Mekong subregion strategic framework 2002-2012*. Manila: Asian Development Bank.
- Asian Development Bank. (2009). *Sharing growth and prosperity: A strategy and action plan for the southern economic corridor*. Dilayari daripada <http://www.adb.org/GMS/Economic-Corridors/SEC-SAP-draft.pdf>.
- Asian Development Bank. (2012). *BIMP EAGA Implementation Blueprint 2012-2016*. Manila: Asian Development Bank.
- BAPPEDA Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Kabupaten Nunukan. (2012). *Nunukan dalam angka 2012*. Nunukan: BAPPEDA.
- Barter Trade Tawau-Nunukan Sepakat Diberi Perlindungan. (2012, Oktober 9). Dilayari daripada <http://diskominfo.kaltimprov.go.id/Dilayari> pada 9 oktober 2012.
- CB Herman Edyanto. (2007). Pengembangan ekonomi kawasan perbatasan negara di Kalimantan Barat. *Jurnal Sains dan Teknologi Indonesia*, Vol. 9, No. 3, Disember, pp. 120 – 129.

- Chairil N Siregar. (2008). Analisis potensi daerah pulau-pulau terpencil dalam rangka meningkatkan ketahanan, keamanan nasional, dan keutuhan wilayah NKRI di Nunukan–Kalimantan Timur, *Jurnal Sosioteknologi*. Edisi 13 Tahun 7, April.
- Choen Krainara. (2008). *Cross-border trade and commerce in Thailand: Policy implications for establishing special border economic zones*. (Unpublished doctoral thesis). Asian Institute of Technology, Bangkok, Thailand.
- Dendy Kurniadi. (2009). Strategi pengembangan wilayah perbatasan antar negara: Memacu pertumbuhan ekonomi Entikong Kabupaten Sanggau Provinsi Kalimantan Barat (Tesis magister yang tidak diterbitkan). Universitas Diponegoro, Indonesia.
- Diddy Rusdiansyah. (Februari 14, 2013). Prospek perdagangan bebas lintas batas di kawasan perbatasan Kalimantan Timur - Malaysia saat ini dan kedepannya berdasarkan pendekatan pragmatis. Dilayari daripada <http://diddyrusdiansyah.blogspot.com/>
- Endi Haryono & Ratnawati Yuno Suryandari. (2012). Keadaan sosio-ekonomi sempadan Indonesia-Malaysia dalam laporan akhbar Kompas 2008-2012. *GEOGRAFIA Malaysia Journal of Society and Space* 8, Issue 4, pp. 1 – 11.
- Ferry links Tawau-East Kalimantan. (December 8, 2009). *New Sabah Times*. <http://www.newsabahtimes.com.my/Dilayari> pada 2013.
- Fitri Wulandari & Tertiani Z.B Simajuntak. (2002). Business Boom for Nunukan Islanders. *Jakarta Post*. Dilayari daripada <http://m.thejakartapost.com/news/2002/09/15/>.
- Husnaldi. (2006). Menuju model pengembangan kawasan perbatasan daratan antar negara: Studi kasus Kecamatan Paloh dan Sajingan Besar Kabupaten Sambas, Kalimantan Barat (Tesis magister yang tidak diterbitkan). Universitas Diponegoro, Indonesia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Buku tahunan perangkaan Sabah 2010*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2012). *Perangkaan perdagangan luar negeri Sabah 2012*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kabupaten Nunukan. (n.d). *Pemerintah Provinsi Kalimantan Timur*. Dilayari daripada <http://www.kaltimprov.go.id/viewkota-10.html>
- Kasim Hj. Mansur & Mori Kogid. (2008). Koridor pembangunan Sabah (SDC): Harapan dan cabaran. *Prosiding PERKEM III*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Majlis Keselamatan Negara. (Mei, 2013). *Sosek Malindo: Perspektif Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan di Bengkel dan Mesyuarat Kerjasama Malindo Pengurusan Perbatasan Malaysia-Indonesia. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Maneepong, C. (2003). Dynamics of industrial development in border towns: Case studies of Thailand (Unpublished doctoral thesis). The University of New South Wales, Australia.

- Maneepong, C. & Wu, C.T. (2004). Comparative borderland development in Thailand. *ASEAN Economic Bulletin*, 21(3), pp. 133 – 166.
- Muammar Kamarudin. (18 November 2006). Border Trading Centre In Sebatik Can Boost BIMP-EAGA Trade. *Bernama*. Dilayari daripada <http://www.bernama.com/bernama/>
- Noor Rahamah Abu Bakar, Mohd. Yusof Abdullah, Abd. Hair Awang, Junaenah Sulehan & Ong Puay Liu. (2012). Kesejahteraan bersama melalui dagangan & sosial di sempadan Kalimantan Barat dan Serikin, Sarawak. *GEOGRAFIA Malaysia Journal of Society and Space*. Issue 8, pp. 91 – 95.
- Nurul Bariyah, Lau Evan & Shazali Abu Mansor. (2004). Long run sustainability of Sarawak-West Kalimantan cross border trade flows. *The Journal of Developing Areas*. 46 (1), Spring, pp. 165 – 181.
- Perdagangan Nunukan Dengan Tawau Selalu Minus. (Jun 14, 2013). *Jurnalisia*. www.jurnalisia.com/
- PPM gagalkan taktik penyeludup guna feri penumpang (2013, April 2013). *Borneo Post*. <http://sabah.home.net.my/>
- Ramli Dollah & Ahmad Mosfi Mohamad. (2007). Perdagangan tukar barang Malaysia-Indonesia: potensi dan cabaran. *Jati*, Vol. 12. Disember.
- Robert S. (2004). Kondisi perekonomian masyarakat perbatasan: Entikong dan Nunukan. *Masyarakat Indonesia, Jilid XXX. No. 2*, pp. 113 – 137.
- Sabah Development Corridor. (t.t). *Sabah Economic Development Corporation*. <http://www.sedco.com.my/>
- Saru Arifin. (2012). Transborder cooperation between Indonesia-Malaysia and its implication to the border development. *International Journal of Business, Economics and Law*, Vol. 1. pp. 85 – 90.
- Tawau Berpotensi Jadi Hab Perdagangan Wilayah Perbatasan Dengan Indonesia: Konsul. (1 Oktober 2012). *Bernama*. <http://www.bernama.com.my/>
- Tawau hab penerbangan BIMP-EAGA. (2009, September 24). *Utusan Malaysia*. <http://www.utusan.com.my/>
- Tawau to be made a Free Trade Zone. (2007, Mac 2). *Bernama*, <http://www.bernama.com/>
- Tawau's future is tied with Kalimantan: Yong. (2012, Mac 18). *Daily Express*. <http://www.dailyexpress.com.my/>
- Thirunaukarasu Subramaniam, Evelyn S. Devadason & Sivachandralingam Sundararaja. (2013). Cross-border shopping: Examining motivations from the perspective of Bruneian visitors in Limbang, Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 47 (1), pp. 21 – 30.
- Tsuneishi, T. (2008). Development of border economic zones in Thailand: Expansion of border trade and formation of border economic zones, *IDE Discussion Paper*, 153. Tokyo: Institute Developing Economy.

Yekti Maunati. (t.t). Social, economic, and security issues of the border's community living in the border area between East Kalimantan, Indonesia and Sabah, East Malaysia. <http://www.cpg-online.de/>